

SURAT PEKELILING AM BIL. 3 TAHUN 1991

SKIM PERLINDUNGAN INSURAN BAGI AHLI-AHLI PERTUBUHAN KEBAJIKAN DAN SUKAN DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN

1. Pendahuluan

1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada Pertubuhan-pertubuhan Sukan dan Kebajikan di Jabatan-Jabatan Kerajaan supaya mengambil Insuran Perlindungan bagi ahli-ahli pertubuhan yang bukan kakitangan Kerajaan yang menjalankan aktiviti-aktiviti kebajikan dan sukan.

2. Latarbelakang

2.1 Pihak Kerajaan telah mengiktiraf aktiviti-aktiviti kebajikan dan sukan yang dijalankan oleh Pertubuhan Kebajikan dan Sukan di Jabatan-Jabatan Kerajaan. Kerajaan juga telah bersetuju untuk membantu pertubuhan-pertubuhan tersebut dari segi penggunaan kemudahan dan kelengkapan Jabatan Kerajaan.

2.2 Ahli-ahli Kebajikan dan Sukan di Jabatan-Jabatan Kerajaan yang menjalankan aktiviti-aktiviti sukan dan kebajikan ada kemungkinan mengalami kemalangan semasa menjalankan aktiviti ataupun semasa dalam perjalanan.

2.3 Bagi tujuan melindungi mereka semasa menjalankan aktiviti kebajikan dan sukan ini. Pertubuhan Kebajikan dan Sukan dikehendaki mengambil insuran perlindungan bagi mereka yang bukan kakitangan Kerajaan.

3. Jenis Insuran

3.1 Jenis Insuran yang sesuai diambil ialah "Insuran Kemalangan Persendirian Am Secara Berkelompok". Premium jenis ini tidaklah begitu mahal dan faedah-faedah yang dilindungi boleh dirangka mengikut kehendak dan kemampuan sesebuah Pertubuhan Kebajikan dan sukan.

4. Faedah-faedah

4.1 Faedah-faedah yang akan dilindungi boleh dirundingkan di antara Pertubuhan Kebajikan dan Sukan dengan Syarikat-syarikat Insuran mengikut kehendak dan kemampuan pertubuhan berkenaan.

4.2 Polisi-polisi yang boleh diambil di bawah insuran jenis ini boleh meliputi tempoh 24 jam bagi apa-apa kemalangan yang menyebabkan kematian, hilang upaya akal, hilang upaya sementara, hilang upaya separuh badan kekal dan sementara serta lain-lain kecederaan di samping perbelanjaan perubatan.

4.3 Polisi insuran ini juga boleh diambil untuk tujuan melindungi ahli-ahli pertubuhan dari kemalangan jalanraya semasa menjalankan tugas-tugas pertubuhan.

4.4 Polisi-polisi yang diambil akan melindungi tempoh semasa ahli-ahli pertubuhan menjalankan kegiatan itu sahaja dan bukan untuk tempoh setahun.

5. Jumlah Polisi yang Dilindungi

5.1 Nilai polisi yang diambil bagi melindungi seseorang ahli Pertubuhan Kebajikan dan Sukan adalah mengikut pilihan dan kemampuan pertubuhan berkenaan. Premium “Insuran Kemalangan Persendirian Am Secara Berkelompok” ini hendaklah dibiayai sendiri oleh pertubuhan berkenaan.

6. Cara-cara Mendapatkan Perlindungan Insuran

6.1 Semua ahli Pertubuhan Kebajikan dan Sukan yang ingin diberi perlindungan insuran bagi sesuatu tempoh boleh berbuat demikian dengan menghubungi Syarikat-syarikat Insuran dengan memberikan butir-butir seperti nama, kad pengenalan, perjalanan dan tempoh masa yang perlu dilindungi.

6.2 Buat permulaan empat (4) Syarikat Insuran telah dipilih sebagai Panel Syarikat Insuran kepada Pertubuhan Kebajikan dan Sukan di Jabatan-Jabatan Kerajaan seperti berikut:

- (i) The Malaysian Co-operative Insurance Society Limited (MCIS)
- (ii) Malaysian National Insurance (MNI)
- (iii) Syarikat Talasco Insurance
- (iv) Syarikat Takaful Sdn. Bhd.

Kementerian Kewangan dari masa ke semasa bertanggungjawab menimbangkan permohonan-permohonan Syarikat Insuran yang mahu disenaraikan dalam panel.

7. Tarikh Kuatkuasa

7.1 Pertubuhan-pertubuhan Kebajikan dan Sukan di Jabatan-Jabatan Kerajaan dikehendaki mengambil insuran perlindungan kepada ahli-ahli pertubuhan-pertubuhan bermula dari tarikh Surat Pekeliling ini.

TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Ketua Setiausaha Negara